KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 6 | 2025

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK
EKONOMI MALAYSIA

SIRI 6 | 2025

Pemakluman:

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal https://open.dosm.gov.my.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:
Jabatan Perangkaan Malaysia
Blok C6 &C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram	: StatsMalaysia
Emel	: info@dosm.gov.my data@dosm.gov.my

Diterbitkan pada Jun 2025.

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

eISSN 2716-6813

KANDUNGAN

02 TINTA KETUA PERANGKAWAN

04 SOROTAN PENTING

06 INDIKATOR EKONOMI UTAMA

08 PERSPEKTIF KESELURUHAN

11 RENCANA

17 SNAPSHOT

18 PERTANIAN

23 INDUSTRI DAN PEMBUATAN

25 PERKHIDMATAN

29 SEKTOR LUARAN

32 SENARIO BURUH

36 HARGA

40 WAY FORWARD

42 INDIKATOR EKONOMI

56 AHLI MESR

57 PENGHARGAAN

TINTA KETUA PERANGKAWAN

Saya berbesar hati untuk membentangkan edisi keenam Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) 2025, penerbitan analitik utama yang menggabungkan penunjuk utama makroekonomi dan sektoral bagi menyokong wacana dasar berasaskan data. Di tengah-tengah perubahan berterusan dalam landskap ekonomi global, edisi ini menyediakan analisis terkini tentang situasi ekonomi dan perkembangan sektor utama dalam ekonomi Malaysia. Ia bertujuan untuk memenuhi keperluan pembuat dasar, perancang ekonomi dan pihak berkepentingan dalam menilai prestasi negara dan memaklumkan strategi pada masa hadapan. Saya ingin mengiktiraf profesionalisme dan ketelitian analitik pasukan berdedikasi di Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), yang usaha mereka telah memastikan kualiti dan revelansi penerbitan ini.

Edisi ini menyediakan tinjauan mendalam mengenai prestasi ekonomi Malaysia pada April dan suku tahun pertama 2025 (ST1 2025), dilengkapi dengan petunjuk utama terpilih untuk bulan Mei. Sorotan isu bagi rencana kali ini adalah “Mengukur Hubungan Antara Petunjuk Keyakinan dan Pertumbuhan KDNK di Malaysia” yang meneroka sejauh mana sentimen perniagaan yang diukur oleh Petunjuk Keyakinan sejajar dengan pertumbuhan KDNK sebenar, di samping perbincangan mengenai potensi peranannya sebagai instrumen terkini untuk ramalan ekonomi jangka pendek dan penilaian dasar.

Persekitaran ekonomi global dijangka mengalami penyusutan momentum pada tahun 2025, dengan World Bank meramalkan penyederhanaan kepada 2.3 peratus berbanding 2.8 peratus pada tahun 2024, sementara OECD menjangkakan kadar yang sedikit kukuh pada 2.9 peratus, menyederhana daripada 3.3 peratus. Kelembapan ini mencerminkan landskap global yang mencabar yang dipengaruhi oleh kadar faedah yang tinggi, ketidaktentuan dasar yang berterusan serta peningkatan ketegangan perdagangan, yang kesemuanya terus menjejaskan sentimen pelabur dan melemahkan keyakinan perniagaan di seluruh dunia.

Ekonomi domestik Malaysia merekodkan pertumbuhan merentasi kebanyakan sektor. Sektor Perkhidmatan kekal sebagai pemacu utama, berkembang sebanyak 5.0 peratus, disokong oleh Perdagangan borong dan runcit, Pengangkutan dan penyimpanan serta Perkhidmatan perniagaan. Pembuatan berkembang sebanyak 4.1 peratus, disokong oleh pengeluaran kukuh dalam elektronik, pemprosesan makanan dan produk berasaskan getah, walaupun pengeluaran peralatan pengangkutan mencatatkan penurunan. Pertanian mencatatkan pertumbuhan sederhana 0.6 peratus, didorong oleh penambahbaikan dalam perikanan dan subsektor lain. Sebaliknya, Perlombongan dan pengkuarian menguncup sebanyak 2.7 peratus, terutamanya disebabkan oleh pengurangan pengeluaran minyak mentah dan gas asli.

Dari sudut sektor luaran, jumlah perdagangan meningkat 2.6 peratus tahun ke tahun kepada RM252.5 bilion, disokong oleh peningkatan 6.6 peratus dalam import, terutamanya barangan modal, yang melonjak sebanyak 63.7 peratus. Sebaliknya, eksport merosot 1.1 peratus, terutamanya disebabkan oleh penguncupan 4.7 peratus dalam eksport domestik, manakala Eksport semula meningkat sebanyak 16.1 peratus. Lebihan dagangan menyusut ketara, menurun sebanyak 92.3 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu, menunjukkan peralihan ke arah struktur perdagangan yang lebih dipacu oleh import. Bagi perbandingan bulan ke bulan, kedua-dua eksport dan import mencatatkan penurunan, dengan eksport jatuh sebanyak 5.2 peratus dan import menurun sebanyak 2.0 peratus, mencerminkan turun naik jangka pendek dalam persekitaran perdagangan yang keseluruhannya masih positif.

Dari segi harga, inflasi keseluruhan meningkat kepada 1.4 peratus pada April, dipacu oleh kenaikan kos dalam penjagaan diri, pendidikan dan perumahan. Inflasi teras turut meningkat kepada 2.0 peratus, mencerminkan permintaan berterusan dalam perkhidmatan. Bagaimanapun, inflasi makanan menyederhana, disokong oleh penurunan harga sayur-sayuran dan tenusu. Kadar inflasi Malaysia kekal sederhana dan terkawal berbanding negara serantau, disokong oleh bekalan yang stabil dan langkah dasar berhemah.

Indeks Pelopor Malaysia menunjukkan daya tahan ekonomi yang mampan pada April 2025, mencatatkan pertumbuhan tahunan sederhana sebanyak 0.5 peratus. Peningkatan ini disokong oleh prestasi yang lebih kukuh dalam komponen utama seperti import semikonduktor dan pendaftaran syarikat baharu. Walaupun beberapa komponen terus lemah, kenaikan tahun ke tahun menunjukkan peningkatan dalam ekonomi. Secara keseluruhan, indeks ini mengunjurkan momentum ekonomi yang stabil dalam masa terdekat, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan keadaan pasaran buruh yang menggalakkan.

TINTA KETUA PERANGKAWAN

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global dalam laporan dwitahunan. Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal https://open.dosm.gov.my.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Ketua Perangkawan Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Jun 2025

SOROTAN PENTING

Pertumbuhan ekonomi global dijangka perlahan pada tahun 2025, dengan *World Bank* mengunjurkan pertumbuhan perlahan kepada 2.3 peratus (berbanding 2.8% pada 2024) dan *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) menjangkakan kadar yang sedikit lebih tinggi sedikit iaitu 2.9 peratus (menurun daripada 3.3%). Penyederhanaan ini mencerminkan cabaran berterusan termasuk kadar faedah yang tinggi, ketidaktentuan dasar serta ketegangan perdagangan yang semakin meningkat, menjejaskan keyakinan perniagaan dan pelaburan global.

Merentasi ekonomi Malaysia, pertumbuhan mencapai 5.1 peratus pada 2024, didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan, dengan kedua-dua sektor ini menyumbang sebanyak 82.5 peratus kepada KDNK, berjumlah RM1.93 trilion pada harga semasa. Pada suku tahun pertama 2025, pertumbuhan ekonomi menyederhana kepada 4.4 peratus, disokong oleh pencapaian yang berterusan dalam sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pembinaan. Sektor Perkhidmatan berkembang sebanyak 5.0 peratus, didahului oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit, Pengangkutan serta Perkhidmatan perniagaan.

Pengeluaran Getah Asli (NR) yang menurun 15.6 peratus tahun ke tahun pada April 2025, merekodkan 18,008 tan berbanding 21,325 tan pada April 2024. Bulan ke bulan, pengeluaran juga mencatatkan penurunan yang signifikan, 37.3 peratus daripada 28,739 tan pada Mac 2025. Sementara itu, pengeluaran Buah Tandan Segar (FFB) meningkat sebanyak 1.3 peratus tahun ke tahun kepada 9,051,118 tan pada Mei 2025 (Mei 2024: 8,930,951 tan). Bagi perbandingan bulanan, pengeluaran FFB meningkat sedikit kepada 1.4 peratus daripada 8,925,862 tan pada April 2025.

Dari segi prestasi industri, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 2.7 peratus tahun ke tahun pada April 2025, disokong oleh peningkatan 5.6 peratus dalam sektor Pembuatan. Sebaliknya, sektor Perlombongan dan Elektrik, masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 6.3 peratus dan 1.6 peratus.

Sektor Pembuatan melaporkan nilai jualan sebanyak RM160.6 bilion pada April 2025, menggambarkan peningkatan 4.8 peratus tahun ke tahun, didorong khususnya oleh pertumbuhan dalam subsektor Makanan, Minuman & Tembakau (11.1%), Produk Elektrik & Elektronik (9.8%) serta Produk Mineral Bukan Logam, Logam Asas & Logam Fabrikasi (4.6%). Walau bagaimanapun, berbanding Mac 2025, nilai jualan menyusut 2.3 peratus.

Pada April 2025, sektor Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM151.7 bilion, meningkat 4.7 peratus tahun ke tahun, disokong oleh pertumbuhan dalam Perdagangan borong (5.5%), Perdagangan runcit (4.7%) dan Kenderaan bermotor (2.1%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan menurun 1.5 peratus dengan semua subsektor mengalami penguncupan. Indeks Volum bagi sektor ini meningkat sebanyak 4.3 peratus tahun ke tahun kepada 160.6 mata, manakala secara bulanan, mencatatkan penurunan 1.3 peratus.

Dari segi harga, kadar inflasi Malaysia kekal tidak berubah pada kadar 1.4 peratus pada April 2025, mengekalkan momentum yang dicatatkan pada Mac. Kestabilan ini didorong terutamanya oleh tekanan harga yang berterusan dalam kumpulan utama, khususnya Penjagaan Peribadi, Perlindungan Sosial & Barangan dan Perkhidmatan Pelbagai, yang meningkat kepada 4.1 peratus (Mac: 3.6%), diikuti oleh Pendidikan pada 2.3 peratus (Mac: 2.2%) dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain pada 2.0 peratus (Mac: 1.9%). Sementara itu, kadar inflasi yang lebih perlahan dilihat dalam kumpulan seperti Makanan & Minuman, Rekreasi, Sukan & Kebudayaan dan Kesihatan. Di samping itu, Malaysia merekodkan kadar inflasi sebanyak 1.2 peratus pada Mei 2025.

Indeks Harga Pengeluar (IHPr) Malaysia mencatat penurunan 3.4 peratus tahun ke tahun pada April 2025, lebih rendah berbanding penurunan 1.9 peratus yang dicatatkan pada Mac. Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penguncupan berterusan dalam sektor Perlombongan (-17.8%), Pembuatan (-2.6%) serta Bekalan Elektrik & Gas (-0.6%), manakala, sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan dan Bekalan Air masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 2.6 peratus dan 0.9 peratus. Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, IHPr berkurang sebanyak 1.0 peratus, selepas merekodkan penyusutan 0.6 peratus pada Mac 2025. Sementara itu, Indeks Harga Pengeluar (PPI) Malaysia terus mencatat penurunan sebanyak 3.6 peratus pada Mei 2025.

SOROTAN PENTING

Pada April 2025, jumlah perdagangan Malaysia melonjak sebanyak 18.2 peratus tahun ke tahun kepada RM261.9 bilion, dengan eksport meningkat 16.4 peratus kepada RM133.6 bilion dan import bertambah sebanyak 20.0 peratus kepada RM128.4 bilion. Secara bulanan, jumlah perdagangan meningkat sebanyak 4.8 peratus, didorong oleh kenaikan import sebanyak 14.1 peratus. Walau bagaimanapun, eksport menguncup 2.7 peratus, manakala lebihan perdagangan merosot dengan ketara sebanyak 79.1 peratus berbanding Mac 2025.

Pasaran buruh Malaysia terus bertambah baik pada April 2025, dengan bilangan pekerja meningkat sebanyak 2.8 peratus tahun ke tahun kepada 16.82 juta dan naik 0.2 peratus berbanding bulan sebelumnya. Sejajar dengan itu, kadar pengangguran menurun kepada 3.0 peratus, menggambarkan penurunan tahunan 5.5 peratus dan penurunan bulanan 0.7 peratus. Manakala, tenaga buruh meningkat sebanyak 2.5 peratus tahun ke tahun kepada 17.34 juta, dan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh meningkat kepada 70.8 peratus, meningkat 0.2 mata peratus berbanding April 2024 dan 0.1 mata peratus berbanding Mac 2025.

Secara keseluruhan, Indeks Pelopor (IP) Malaysia berada pada paras 113.6 mata pada April 2025, mengekalkan kadar pertumbuhan tahunan 0.5 peratus. Secara bulanan, IP meningkat 0.8 peratus. Indeks yang kekal melebihi paras 100.0 mata menunjukkan prospek ekonomi yang berdaya tahan, disokong oleh pasaran buruh yang positif dan permintaan domestik yang berterusan selari dengan corak penggunaan yang stabil.

INDIKATOR EKONOMI UTAMA

Indeks Pelopor

113.6
APRIL 2025



Kadar Pengangguran

3.0%
APRIL 2025



Pengeluaran Buah Tandan Segar

1.3%
MEI 2025



Pengeluaran Getah Asli

-15.6%
APRIL 2025



Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

2.7%
APRIL 2025



Nilai Jualan Sektor Pembuatan

4.8%
APRIL 2025



Nota:
1) Kadar pengangguran adalah perkadaran bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.
2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun

INDIKATOR EKONOMI UTAMA

Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit

4.7%
APRIL 2025



Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

4.3%
APRIL 2025



Eksport

-1.1%
MEI 2025



Import

6.6%
MEI 2025



Indeks Harga Pengguna (IHP)

1.2%
MEI 2025



Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

-3.8%
MEI 2025



Nota:
1) Kadar pengangguran adalah perkadaran bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.
2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun

PERSPEKTIF KESELURUHAN

Ekonomi Dunia

Menurut World Bank, pertumbuhan ekonomi global dijangka perlahan kepada 2.3 peratus pada tahun 2025, daripada 2.8 peratus pada tahun 2024, mencatatkan kadar paling perlahan sejak krisis kewangan 2008 tanpa mengambil kira tahun-tahun kemelesetan global sebenar. OECD pula menjangkakan trend yang sama tetapi sedikit lebih optimistik, dengan ramalan perlahan daripada 3.3 peratus pada tahun 2024 kepada 2.9 peratus pada tahun 2025. Prospek yang semakin lemah ini mencerminkan cabaran berterusan seperti kadar faedah yang tinggi, ketidaktentuan dasar ekonomi global dan ketegangan perdagangan yang meningkat, yang menyumbang kepada sentimen perniagaan dan pelaburan yang lebih berhati-hati di peringkat global.

Bagi Pasaran Baharu Muncul dan Ekonomi Membangun (EMDEs), World Bank menjangkakan pertumbuhan akan perlahan daripada 4.2 peratus pada tahun 2024 kepada 3.8 peratus pada tahun 2025, dengan perbezaan ketara antara rantau. Ekonomi tersebut kekal terdedah kepada risiko seperti kejutan iklim, konflik geopolitik dan prestasi lemah ekonomi utama yang boleh terus menekan momentum pertumbuhan. OECD turut menyatakan bahawa kos pinjaman yang tinggi dan permintaan global yang lemah dijangka menjejaskan prospek pertumbuhan di negara-negara membangun.

Pertumbuhan ekonomi di Amerika Syarikat dijangkakan lebih perlahan kepada 1.4 peratus pada tahun 2025 (2024: 2.8%), manakala OECD mengunjurkan sedikit lebih tinggi berbanding World Bank iaitu 1.6 peratus untuk tahun 2025. Pertumbuhan perlahan ini dikaitkan dengan kesan berterusan kenaikan kadar faedah sebelum ini dan sekatan perdagangan yang telah meningkatkan kos operasi firma serta melemahkan pelaburan perniagaan dan keyakinan pengguna.

Ekonomi China dijangka berkembang sebanyak 4.5 peratus pada tahun 2025, lebih rendah daripada pertumbuhan 5.0 peratus pada tahun 2024. Kadar pertumbuhan yang lebih perlahan ini mencerminkan kelembapan berterusan sektor hartanah dan cabaran demografi, walaupun pertumbuhan masih disokong oleh pelaburan infrastruktur dan dasar fiskal bersasar. India pula diunjurkan berkembang pada kadar 6.3 peratus pada tahun 2025, menjadikannya ekonomi yang paling pesat berkembang dipacu oleh permintaan domestik dan pelaburan yang kukuh. Pertumbuhan di Eropah dan Japan dijangka kekal sederhana pada kadar 0.7 peratus pada tahun 2025, terutamanya disebabkan permintaan eksport yang lemah dan isu struktur yang berpanjangan. Sementara itu, ekonomi Indonesia diramalkan berkembang sebanyak 4.7 peratus, dengan momentum didorong oleh perbelanjaan isi rumah dan inisiatif infrastruktur yang berterusan.

Ekonomi Malaysia

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.1 peratus pada tahun 2024 berbanding 3.5 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan yang menyumbang 82.5 peratus merupakan pemacu utama kepada momentum pertumbuhan ekonomi pada tahun 2024. KDNK Malaysia berjumlah RM1.93 trilion pada harga semasa dan RM1.65 trilion pada harga malar bagi tahun 2024.

Pada suku tahun pertama 2025, prestasi ekonomi Malaysia bertumbuh sebanyak 4.4 peratus berbanding 4.9 peratus pada suku tahun sebelumnya. Pengembangan itu disokong oleh prestasi yang kukuh dari segi penawaran, terutamanya dalam sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pembinaan. Sektor Perkhidmatan berkembang sebanyak 5.0 peratus (ST4 2024: 5.5%) pada suku tahun pertama 2025, didorong oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, Pengangkutan & penyimpanan dan Perkhidmatan perniagaan.

Jadual 1: Perubahan Peratusan Tahunan (%) KDNK Malaysia mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2023 - 2024 dan ST1 2023 - ST1 2025

Jenis Aktiviti Ekonomi	2023	2024	2024				2025
			ST1	ST2	ST3	ST4	ST1
Perkhidmatan	5.1	5.3	4.8	5.9	5.2	5.5	**5.0**
Pembuatan	0.7	4.2	2.1	4.7	5.6	4.2	**4.1**
Pembinaan	6.0	17.5	11.9	17.2	20.0	20.7	**14.2**
Pertanian	0.2	3.1	1.9	7.6	3.6	-0.7	**0.6**
Perlombongan & pengkuarian	0.5	0.9	4.3	2.7	-2.8	-0.7	**-2.7**
KDNK	**3.5**	**5.1**	**4.2**	**5.9**	**5.4**	**4.9**	**4.4**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Pelopor (IP) April 2025 mengekalkan pertumbuhan tahunannya pada kadar 0.5 peratus, mencatatkan 113.6 mata berbanding 113.0 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Kenaikan dua digit dalam Import Benar Semi Konduktor (27.2%) dan Bilangan Syarikat Baru Didaftar (24.1%) menyumbang kepada pertumbuhan ini, walaupun empat komponen yang lain mencatatkan penurunan. Selari dengan itu, prestasi bulanan IP mencatatkan peningkatan bagi bulan kedua berturut-turut dengan merekodkan 0.8 peratus, disokong oleh peningkatan 0.5 peratus dalam Bilangan Syarikat Baru Didaftar. Kadar pertumbuhan IP terlicin bagi April 2025 kekal berada di bawah 100.0 mata, mencerminkan prospek ekonomi Malaysia yang berdaya tahan, disokong oleh pasaran buruh yang positif serta permintaan dalam negeri yang berterusan selaras dengan corak penggunaan yang stabil.

Carta 1: Indeks Pelopor (2015=100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 hingga April 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 2: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 hingga April 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Mengukur Hubungan Antara Petunjuk Keyakinan dan Pertumbuhan KDNK di Malaysia

Noor Masayu Mhd Khalili, Lim Kok Hwa, Mohd Afzainizam Abdullah

Bahagian Petunjuk Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia

Pengenalan

Dalam ekonomi global yang semakin dinamik dan saling berhubung, maklumat yang tepat dan terkini mengenai sentimen perniagaan adalah penting untuk dasar dan perancangan strategik yang berasaskan maklumat. Statistik Kecenderungan Perniagaan (BTS) memberikan pendekatan berstruktur untuk memantau dan menilai perkembangan ekonomi jangka pendek melalui penilaian kualitatif terhadap keadaan perniagaan semasa dan jangkaan akan datang. Penunjuk ini amat berguna apabila data kuantitatif konvensional belum tersedia, sekali gus membolehkan pengesanan awal terhadap perubahan dalam aktiviti ekonomi.

BTS merupakan pelengkap kepada indikator makroekonomi standard dengan mencerminkan persepsi dan jangkaan peneraju perniagaan dalam sektor utama. Walaupun statistik ini tidak mengukur magnitud perubahan, ia memberikan isyarat arah terutamanya melalui Petunjuk Keyakinan yang membantu penganalisis dan pembuat dasar menjangkakan titik perubahan dalam kitaran perniagaan. Petunjuk–keyakinan, khususnya, semakin penting untuk menilai persekitaran ekonomi semasa, terutamanya dalam tempoh ketidaktentuan atau perubahan pesat.

Walaupun kepentingannya semakin meningkat, hubungan empirikal antara petunjuk keyakinan dan prestasi makroekonomi sebenar masih belum dikaji secara komprehensif dalam konteks Malaysia. Kajian ini bertujuan menangani jurang tersebut dengan meneliti korelasi serentak antara Petunjuk Keyakinan Perniagaan Malaysia dan pertumbuhan Keluaran Negara Kasar (KDNK) benar secara suku tahunan bagi tempoh 2019–2025. Tempoh ini meliputi krisis COVID-19 dan fasa pemulihan pasca pandemik, membolehkan penilaian menyeluruh sejauh mana sentimen selari dengan pencapaian ekonomi merentas pelbagai fasa kitaran perniagaan.

Penyataan Masalah

Meskipun penunjuk sentimen perniagaan sering digunakan untuk menilai persepsi ekonomi, terdapat kekurangan bukti empirikal di Malaysia mengenai keupayaannya untuk meramal prestasi ekonomi sebenar. Kekurangan ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana penunjuk sentimen boleh dipercayai untuk meramal perubahan jangka pendek dalam aktiviti ekonomi. Pembuat dasar di Malaysia masih banyak bergantung kepada penunjuk ekonomi susulan seperti data KDNK yang hanya dikeluarkan selepas tamat suku tahun. Kebergantungan ini menyukarkan tindak balas terhadap ketidaktentuan ekonomi tepat pada masanya dan mungkin melambatkan pelaksanaan intervensi dasar yang sewajarnya. Walaupun indeks keyakinan sering diterbitkan dan dilaporkan secara meluas dalam media, penggunaannya dalam peramalan KDNK jangka pendek masih kurang dimanfaatkan. Faktor masa dan dinamik antara sentimen perniagaan dan perubahan sebenar KDNK masih belum difahami sepenuhnya, khususnya dalam konteks negara membangun seperti Malaysia, yang mana keadaan pasaran lebih mudah berubah dan reaktif. Tanpa pengesahan kuantitatif yang kukuh, ukuran sentimen ini berisiko dilihat sebagai anekdot atau meyakinkan, dan bukannya sebagai instrumen yang boleh dipercayai untuk analisis ekonomi dan sokongan dasar.

Objektif

Kajian ini bertujuan untuk: (1) menilai korelasi antara Petunjuk Keyakinan dan pertumbuhan KDNK Malaysia, (2) menilai potensi ramalan nilai keyakinan yang tertangguh, (3) menggambarkan hubungan tersebut mengikut siri masa dan tempoh *lag*, (4) memberikan input untuk pemantauan ekonomi jangka pendek pada masa depan.

Metodologi

Data suku tahunan dari ST1 2019 hingga ST1 2025 bagi Keyakinan dan Pertumbuhan KDNK diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pekali korelasi Pearson (r) telah dikira untuk menilai kekuatan dan arah hubungan linear antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut, menggunakan formula:

$$r = \Sigma[(C_i - \bar{C})(G_i - \bar{G})] / \sqrt{[\Sigma(C_i - \bar{C})^2 \times \Sigma(G_i - \bar{G})^2]}$$

Di mana:

C_i: Nilai Petunjuk Keyakinan pada suku i
G_i: Pertumbuhan KDNK pada suku i
$\bar{C}$, $\bar{G}$: Nilai min Petunjuk Keyakinan dan pertumbuhan KDNK

Dapatan dan Perbincangan

Memahami bagaimana sentimen perniagaan selari dengan prestasi ekonomi merupakan elemen penting dalam penilaian ekonomi jangka pendek. Analisis ini memberi tumpuan kepada hubungan antara Petunjuk Keyakinan Malaysia dan pertumbuhan KDNK merentas 25 suku tahun, serta mengenal pasti pola yang mungkin menunjukkan sama ada perubahan dalam sentimen mendahului peralihan dalam output. Dapatan di bawah memperincikan dinamik ini secara visual dan statistik, dengan memberi perhatian kepada potensi kesan *lead–lag*.

Carta 1a: Tren Siri Masa bagi Pertumbuhan KDNK dan Petunjuk Keyakinan



Sepanjang 25 suku tahun dari 2019 hingga 2025, Petunjuk Keyakinan dan Pertumbuhan KDNK menunjukkan pergerakan seiring yang ketara, terutamanya semasa kemerosotan ekonomi pada ST2 2020 akibat pandemik COVID-19 seperti ditunjukkkan dalam **Carta 1a**. Keyakinan perniagaan berada pada tahap terendah selari dengan penguncupan KDNK, memperkukuh fungsinya sebagai pengukur ekonomi masa nyata terhadap keadaan ekonomi. Selepas tempoh kemerosotan tersebut, sentimen pulih lebih cepat berbanding KDNK, berpotensi mengesan isyarat awal penambahbaikan jangkaan sebelum ia direalisasikan dalam output sebenar. Corak ini menunjukkan bahawa data keyakinan mempunyai nilai sebagai indikator ramalan untuk menilai arah aliran masa hadapan.

Carta 1b: Plot Serakan Pertumbuhan KDNK vs Petunjuk Keyakinan pada Lag 0



Carta 1b menunjukkan hubungan linear positif yang sederhana kuat antara Petunjuk Keyakinan dan Pertumbuhan KDNK pada *Lag* 0. Pengelompokan titik data di sepanjang garis regresi menunjukkan hubungan yang stabil dan signifikan secara statistik. Walaupun terdapat sisihan kecil, yang berkemungkinan berpunca daripada faktor makroekonomi luaran, arah aliran umum ini menyokong andaian bahawa sentimen perniagaan yang lebih tinggi biasanya dikaitkan dengan prestasi ekonomi yang lebih baik dalam tempoh yang sama.

Carta 1c: Pekali Korelasi Pearson pada Pelbagai Lag



Carta 1c memaparkan korelasi Pearson bagi tiga struktur lag. Lag 0 menunjukkan korelasi tertinggi (r = 0.757), membuktikan hubungan kuat antara sentimen dan output ekonomi dalam suku tahun yang sama. Walaupun pada Lag 1 (r = 0.286) dan Lag 2 (r = 0.222) lebih lemah, ia kekal dalam arah positif yang konsisten. Corak ini memberi gambaran sentimen keyakinan paling tepat mencerminkan keadaan semasa, arah positif yang berterusan turut mengambarkan bahawa petunjuk keyakinan mungkin memainkan peranan sederhana dalam mempengaruhi keputusan perniagaan jangka pendek seperti pengambilan pekerja, pengeluaran dan perancangan pelaburan.

Selain itu, perlu diperhatikan bahawa turun naik dalam Petunjuk Keyakinan juga menunjukkan varians yang lebih besar berbanding KDNK, sejajar dengan sifat indikator yang berasakan sentimen. Sentimen kebiasaannya bertindak balas lebih pantas terhadap maklumat baharu seperti pengumuman dasar, perkembangan geopolitik dan naratif media yang mungkin belum diterjemahkan secara langsung kepada output ekonomi yang boleh diukur.

Secara keseluruhan, penemuan ini mengesahkan bahawa Petunjuk Keyakinan sebagai indikator semasa yang releven bagi menilai prestasi makroekonomi. Tambahan pula, pola pergerakannya yang konsisten merentas *Lag* jangka pendek menunjukkan potensi penggunaannya dalam ramalan ekonomi jangka pendek, terutamanya apabila diintegrasikan dengan penunjuk utama yang lain.

Kesimpulan

Analisis menggunakan data 2019–2025 mengesahkan peranan Petunjuk Keyakinan sebagai pengukur semasa yang boleh dipercayai terhadap pertumbuhan KDNK Malaysia. Korelasi tertinggi dicatatkan pada *Lag* 0, menunjukkan keselarasan kukuh antara sentimen dan prestasi ekonomi sebenar. Walaupun nilai korelasi lebih lemah pada *lag* yang lebih panjang, arah korelasi yang kekal positif mencadangkan bahawa keyakinan boleh memberi pengaruh sederhana terhadap jangkaan dan keputusan perancangan dalam jangka pendek. Penunjuk ini lebih responsif dalam tempoh tidak menentu, mencerminkan kepentingannya sebagai indikator ekonomi masa nyata. Penemuan ini menyokong integrasinya ke dalam papan pemuka (*dashboard*) ekonomi jangka pendek dan rangka kerja ramalan.

Cadangan Kajian Masa Hadapan

Analisis pada masa hadapan boleh mempertimbangkan penggunaan model siri masa lanjutan seperti *Vector Autoregression* (VAR) atau ujian *Granger causality* untuk menilai sama ada petunjuk keyakinan berupaya meramalkan titik perubahan dalam kitaran ekonomi. Kajian lanjut juga boleh meneliti hubungan ini merentas sektor ekonomi yang berbeza, bagi mengenal pasti sama ada sentimen dalam industri tertentu (contohnya pembuatan, perkhidmatan) bagi menentukan sama ada sentimen dalam sektor tertentu memaparkan hubungan yang lebih kuat dengan ketidaktentuan KDNK.

Rujukan

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025). *Statistik Kecenderungan Perniagaan Suku Tahun Kedua*. Putrajaya: DOSM.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025). *Anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Awalan Suku Tahun Pertama 2025.* Putrajaya: DOSM.

Enders, W. (2014). *Applied econometric time series* (4th ed.). Wiley.

Gujarati, D. N. (2004). *Basic econometrics (4th ed.)*. McGraw-Hill.

Hamilton, J. D. (1994). *Time series analysis*. Princeton University Press.

PRESTASI SEKTORAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA
SIRI. 6/ 2025

PENGELUARAN

Pengeluaran Buah Tandan Segar (Kelapa Sawit)
Mei 2025: 9,051,118 tan metrik ▲ 1.3%
Apr 2025: 8,925,862 tan metrik ▲ 14.6%

Pengeluaran Getah Asli
Apr 2025: 18,008 tonnes ▼ -15.6%
Mac 2025: 28,739 tonnes ▲ 6.6%

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)
Apr 2025: ▲ 2.7%
Mac 2025: ▲ 3.2%

Nilai Jualan Sektor Pembuatan
Apr 2025: RM160.6b ▲ 4.8%
Mac 2025: RM164.3b ▲ 3.7%

Nilai Jualan Sektor Perdagangan Borong & Runcit
Apr 2025: RM151.7b ▲ 4.7%
Mac 2025: RM154.0b ▲ 5.7%

SEKTOR LUARAN

Eksport
Mei 2025: RM126.6b ▼ -1.1%
*Apr 2025: RM133.6b ▲ 16.4%
Mac 2025: RM137.3b ▲ 6.8%

Import
Mei 2025: RM125.9b ▲ 6.6%
*Apr 2025: RM128.4b ▲ 20.0%
Mac 2025: RM112.5b ▼ -2.9%

* Seperti yang diterbitkan bagi bulan rujukan

HARGA

Indeks Harga Pengguna (IHP)
Mei 2025: ▲ 1.2%
Apr 2025: ▲ 1.4%
Mac 2025: ▲ 1.4%

Indeks Harga Pengeluar (IHPR)
Mei 2025: ▲ 1.4%
Apr 2025: ▼ -3.4%
Mac 2025: ▼ -1.9%

PASARAN BURUH

Bilangan Penduduk Bekerja
Apr 2025: 16.82 juta orang ▲ 2.8%
Mac 2025: 16.78 juta orang ▲ 3.0%

Kadar Pengangguran
Apr 2025: 3.0%
Mac 2025: 3.1%

b: bilion
Perubahan Peratusan: Tahun ke Tahun

Sumber: Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia, Siri 6/ 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

@StatsMalaysia

ASEAN MALAYSIA 2025 INCLUSIVITY AND SUSTAINABILITY | MALAYSIA MADANI kemampanan | ODIN 2024-2025 OPEN DATA INVENTORY MALAYSIA NUMBER ONE IN THE WORLD | 20 October | 2016 - 2030

Kelapa Sawit

Pengeluaran buah tandan segar pada Mei 2025 meningkat sebanyak 1.4 peratus kepada 9,051,118 tan metrik berbanding April 2025 (Carta1). Secara perbandingan tahun ke tahun, pengeluaran turut meningkat 1.3 peratus daripada 8,930,951 tan metrik pada Mei 2024.

Carta 3: Pengeluaran Buah Tandan Segar, Januari 2024 - Mei 2025



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Purata hasil buah tandan segar oleh estet-estet kelapa sawit pada Mei 2025 kekal tidak berubah pada 1.48 tan metrik/ha, selaras dengan hasil yang dicatatkan pada April 2025 (**Jadual 2**). Purata hasil buah tandan segar oleh estet-estet yang beroperasi di Semenanjung Malaysia dan Sabah / Sarawak masing-masing turut tidak berubah iaitu 1.64 tan metrik/ha (April 2025: 1.64 tan metrik/ha) dan 1.35 tan metrik/ha (April 2025: 1.35 tan metrik/ha).

Jadual 2: Purata Penghasilan Buah Tandan Segar Mengikut Wilayah, Januari 2024 - Mei 2025 (Tan metrik/Ha)

Wilayah	2024								2025				
	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei
Malaysia	**1.43**	**1.40**	**1.56**	**1.65**	**1.57**	**1.55**	**1.42**	**1.34**	**1.15**	**1.06**	**1.20**	**1.48**	**1.48**
Semenanjung Malaysia	1.66	1.61	1.81	1.89	1.76	1.63	1.51	1.38	1.16	1.08	1.26	1.64	1.64
Sabah/ Sarawak	1.25	1.23	1.36	1.45	1.42	1.48	1.35	1.30	1.14	1.05	1.15	1.35	1.35

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Pengeluaran minyak sawit mentah dan isirung sawit masing-masing meningkat 5.1 peratus (Mei 2025: 1,771,621 tan metrik, April 2025: 1,686,379 tan metrik) dan 2.8 peratus (Mei 2025: 420,658 tan metrik, April 2025: 409,097 tan metrik). Begitu juga, pengeluaran minyak isirung sawit mentah dan dedak isirung sawit masing-masing mencatatkan peningkatan 19.2 peratus (Mei 2025: 210,512 tan metrik, April 2025: 176,644 tan metrik) dan 20.1 peratus (Mei 2025: 231,568 tan metrik, April 2025: 192,857 tan metrik).

Carta 4: Pengeluaran Produk Utama Kelapa Sawit, Januari 2024 - Mei 2025



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Eksport minyak sawit meningkat 25.6 peratus (Mei 2025: 1,387,236 tan metrik, April 2025: 1,104,333 tan metrik). Eksport minyak isirung sawit dan dedak isirung sawit turut mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 20.7 peratus (Mei 2025: 119,182 tan metrik, April 2025: 98,743 tan metrik) dan 37.3 peratus (Mei 2025: 193,328 tan metrik, April 2025: 140,833 tan metrik).

Carta 5: Eksport Produk Utama Minyak Sawit, Januari 2024 - Mei 2025



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Import minyak sawit meningkat 18.3 peratus kepada 68,971 tan metrik pada Mei 2025 berbanding 58,292 tan metrik pada bulan sebelumnya. Sebaliknya, import minyak isirung sawit menunjukkan penurunan 43.5 peratus kepada 8,074 tan metrik, menurun daripada 14,287 tan metrik pada April 2025.

Carta 6: Import mengikut Produk Kelapa Sawit, Januari 2024 - Mei 2025



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) menjangkakan harga minyak sawit (MSM) kekal antara RM3,750 hingga RM4,050 satu tan sepanjang Mei 2025, dengan pemulihan secara beransur-ansur dijangka selepas itu. Pada April, pengeluaran MSM meningkat dengan ketara sebanyak 298,000 tan metrik, yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh aktiviti penuaian yang tertangguh pada Mac akibat hujan lebat. Pada masa yang sama, stok minyak sawit turut meningkat sebanyak 303,000 tan, dipengaruhi oleh prestasi eksport yang lemah.

Afrika Sub-Sahara kekal sebagai pasaran eksport utama, diikuti ASEAN, manakala eksport ke rantau lain menunjukkan penurunan. Ketidaktentuan pasaran global termasuk ketegangan perdagangan yang berterusan antara Amerika Syarikat dan China serta keputusan OPEC untuk meningkatkan pengeluaran minyak mentah telah memberi tekanan ke atas harga, yang telah menurun sebanyak 18 peratus sejak April.

Permintaan import daripada pasaran utama seperti India dan China dijangka pulih, disokong oleh jurang harga yang semakin mengecil antara minyak sawit dan minyak kacang soya. Sementara itu, sektor biodiesel global terus berada di bawah tekanan. Amerika Syarikat telah menunjukkan penurunan ketara dalam pengeluaran biodiesel, manakala Indonesia mengekalkan penggunaan yang stabil dan masih berada di landasan untuk mencapai sasaran tahunan.

Getah

Pengeluaran getah asli menurun sebanyak 37.3 peratus pada April 2025 (18,008 tan metrik) berbanding pada Mac 2025 (28,739 tan metrik) seperti pada **Carta 7**. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 15.6 peratus (April 2024: 21,325 tan metrik).

Carta 7: Pengeluaran Getah Asli, Januari 2024 – April 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor kebun kecil merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran getah asli pada April 2025 iaitu 86.0 peratus (15,488 tan metrik), manakala baki sebanyak 14.0 peratus (2,520 tan metrik) adalah dari sektor estet. Perbandingan bulan ke bulan menunjukkan pengeluaran bagi sektor kebun kecil menurun 40.7 peratus, manakala sektor estet merekodkan penurunan 3.3 peratus. Sementara itu, berbanding April 2024, pengeluaran sektor kebun kecil menurun 18.5 peratus dan sektor estet menunjukkan peningkatan sebanyak 8.7 peratus.

Analisis harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan penurunan sebanyak 7.0 peratus (April 2025: 647.20 sen sekilogram; Mac 2025: 696.05 sen sekilogram) manakala Sekerap menurun sebanyak 15.8 peratus (April 2025: 641.27 sen sekilogram; Mac 2025: 761.92 sen sekilogram). Trend harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) menunjukkan penurunan antara 6.9 peratus dan 13.5 peratus. The World Bank Commodity Price Data melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (Technically Specified Rubber) menurun sebanyak 13.9 peratus (daripada USD1.98/kg kepada USD1.71/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) menyusut 10.1 peratus (daripada USD2.36/kg kepada USD2.13/kg).

Carta 8: Harga Purata Bulanan Bagi Getah Asli, April 2024, Mac dan April 2025



Sumber: Lembaga Getah Malaysia

Jumlah stok getah asli pada April 2025 menurun 6.7 peratus kepada 203,728 tan metrik berbanding 218,253 tan metrik pada Mac 2025. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan stok getah asli menurun 3.5 peratus berbanding 211,119 tan metrik yang dicatatkan pada April 2024.

Carta 9: Stok Getah Asli, Januari 2024 – April 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan domestik menunjukkan penurunan 10.8 peratus kepada 19,379 tan metrik berbanding 21,733 tan metrik pada Mac 2025. Secara tahunan, penggunaan menunjukkan penurunan 5.0 peratus (April 2024: 20,407 tan metrik).

Carta 10: Penggunaan Domestik, Januari 2024 – April 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 35,901 tan metrik pada April 2025, menurun 31.7 peratus berbanding Mac 2025 (52,531 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 33.3 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada April 2025, ini diikuti oleh Emiriah Arab Bersatu (14.9%), Jerman (14.2%), India (6.5%) dan Amerika Syarikat (5.1%).

Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Sarung tangan getah merupakan eksport utama bagi produk berasaskan getah dengan nilai sebanyak RM1.1 bilion pada April 2025, menurun 19.2 peratus berbanding Mac 2025 (RM1.3 bilion). Negara eksport utama sarung tangan getah ialah AmerikaSyarikat (18,405.7 tan metrik), China (2,256.6 tan metrik) dan Jepun (2,249.1 tan metrik) seperti pada **Jadual 3**.

Jadual 3: 10 Negara Eksport Tertinggi Sarung Tangan Getah, Mac dan April 2025

Negara	Kuantiti (Tan metrik)		Nilai (RM juta)	
	Mac 2025	April 2025	Mac 2025	April 2025
Amerika Syarikat	21,148.2	18,405.7	597,386.4	511,857.1
China	2,902.1	2,256.6	55,728.3	41,972.6
Jepun	2,620.1	2,249.1	78,343.8	67,831.4
Jerman	2,007.9	2,130.0	53,723.3	53,302.6
Turkiye	4,022.2	1,747.5	50,991.9	35,047.3
United Kingdom	2,091.7	1,215.1	51,600.7	33,026.7
India	1,298.5	1,090.5	18,453.3	14,400.5
Korea, Republik	1,106.3	691.8	29,075.4	20,307.4
Kanada	1,199.7	642.7	35,324.0	16,181.3
Sepanyol	793.0	628.1	18,325.8	15,701.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan Malaysia Rubber Board Digest yang diterbitkan pada April 2025, Pasaran Getah Kuala Lumpur mengalami trend bercampur antara penurunan dan pemulihan sepanjang April 2025, dipengaruhi oleh isyarat tidak menentu daripada pasaran hadapan getah serantau susulan ketidaktentuan dasar perdagangan Amerika Syarikat. Sentimen pasaran kekal lemah berikutan ketidaktentuan ekonomi global yang berterusan dan peningkatan ketegangan perdagangan antara China dan Amerika Syarikat. Di samping itu, ringgit yang lebih kukuh berbanding dolar Amerika Syarikat dan kemerosotan harga minyak mentah turut menjejaskan sentimen pasaran.

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) merekodkan pertumbuhan 2.7 peratus pada April 2025 yang disumbangkan terutamanya oleh sektor Pembuatan sebanyak 5.6 peratus. Sebaliknya, sektor Perlombongan dan Elektrik masing-masing menyusut -6.3 peratus dan -1.6 peratus.

Carta 11: Indeks Pengeluaran Perindustrian (Tahun ke Tahun), Januari 2024 – April 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dalam sektor Pembuatan, industri berorientasikan eksport pada April 2025 terus meningkat sebanyak 6.4 peratus, selepas mencatatkan peningkatan 4.8 peratus pada bulan sebelumnya. Prestasi ini didokong terutamanya oleh Pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan yang mencatatkan pertumbuhan dua angka sebanyak 22.8 peratus, diikuti oleh Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal 11.1–peratus. Bagi perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport menurun -10.2 peratus (Mac 2025: 10.1%).

Begitu juga, industri berorientasikan domestik berkembang 3.9 peratus pada April 2025, selepas mencatat pertumbuhan 2.3 peratus pada Mac 2025. Momentum positif ini disumbangkan oleh Pembuatan produk prosesan makanan (8.2%); Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin dan kelengkapan (5.0%); dan Pembuatan logam asas (6.0%). Berbanding bulan sebelumnya, industri berorientasikan domestik menaik 0.3 peratus.

Penurunan negatif 6.3 peratus dalam sektor Perlombongan pada April 2025 didorong oleh pengurangan dalam pengeluaran Gas Asli dan Petroleum Mentah & Kondensat, masing – masing sebanyak -10.0 peratus dan -0.7 peratus. Berasaskan bulan ke bulan, indeks Perlombongan susut sebanyak 13.9 peratus berbanding pertumbuhan 17.8 peratus yang direkodkan pada Mac 2025.

Selain itu, indeks Elektrik mencatatkan -1.6 peratus pada April 2025, bertambah baik daripada penyusutan -2.2 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Berbanding Mac 2025, indeks Elektrik menurun sebanyak 3.1 peratus.

Di peringkat global, IPP bagi kebanyakan negara menunjukkan trend peningkatan pada April 2025, dengan kenaikan kukuh tahun ke tahun yang dicatatkan oleh Taiwan, Province of China (22.3%) dan Viet Nam (10.2%). Kenaikan yang sederhana juga dapat dilihat di negara-negara seperti China (6.1%), Singapore (5.9%), South Korea (4.9%), Thailand (2.2%), United States (1.5%) dan Japan (0.7%) bagi April 2025.

Secara keseluruhan, IPP bagi tempoh Januari sehingga April 2025 meningkat sebanyak 2.4 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun lalu (Januari – April 2024: 3.6%). Sepanjang tempoh tersebut, sektor Pembuatan merekodkan pengembangan 4.5 peratus, manakala sektor Perlombongan dan sektor Elektrik menyusut, masing-masing dengan 4.0 peratus dan 1.7 peratus.

Pembuatan

Nilai jualan sektor Pembuatan meningkat 4.8 peratus (Mac 2025: 3.7%), berjumlah RM160.6 bilion pada April 2025. Peningkatan nilai jualan dalam sektor Pembuatan disumbangkan terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau, terus mencatatkan pertumbuhan dua angka sebanyak 11.1 peratus pada April 2025 (Mac 2025: 11.8%). Ini diikuti dengan pertumbuhan stabil dalam subsektor Peralatan elektrik & elektronik dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam, yang masing-masing mengembang sebanyak 9.8 peratus (Mac 2025: 7.4%) dan 4.6 peratus (Mac 2025: 4.0%). Perbandingan dengan bulan sebelumnya, nilai jualan jatuh sebanyak 2.3 peratus kepada RM160.6 bilion berbanding RM164.3 bilion yang direkodkan pada bulan sebelumnya.

Pertumbuhan nilai jualan industri berorientasikan eksport yang mewakili 70.3 peratus daripada jumlah jualan, meningkat kepada 5.3 peratus pada April 2025 (Mac 2025: 4.6%). Pengembangan ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan sebanyak 12.7 peratus (Mac 2025: 14.7%). Sementara itu, Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal terus meningkat sebanyak 10.6 peratus (Mac 2025: 8.0%), dan Pembuatan jentera dan peralatan t.t.t.l. menaik sebanyak 7.9 peratus (Mac 2025: 4.5%). Berasaskan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport susut sebanyak 3.2 peratus.

Carta 12: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Januari 2024 – April 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Begitu juga, industri berorientasikan domestik semakin berkembang sebanyak 3.6 peratus pada April 2025, selepas peningkatan 1.8 peratus pada Mac 2025. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam Pembuatan produk pemprosesan makanan pada 10.0 peratus pada April 2025 (Mac 2025: 9.4%); serta dalam industri Pembuatan logam asas (5.9%); dan Pembuatan produk logam kecuali mesin & kelengkapan (3.7%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan domestik mengalami penurunan sedikit sebanyak 0.1 peratus.

Sejumlah 2.40 juta orang pekerja direkodkan dalam sektor ini pada April 2025, bertambah sebanyak 1.2 peratus (Mac 2025: 1.1%). Peningkatan kecil ini dipacu terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (1.9%); Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (1.9%); dan Peralatan elektrik & elektronik (1.3%). Perbandingan bulan ke bulan, bilangan pekerja dalam sektor ini bertambah baik 0.5 peratus.

Pada masa yang sama, gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan juga mencatatkan peningkatan 2.4 peratus (Mac 2025: 1.8%), berjumlah RM8.3 bilion pada April 2025. Walaubagaimana pun, gaji & upah yang dibayar menguncup sebanyak 0.9 peratus berbanding RM8.4 bilion yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Seterusnya, nilai jualan bagi setiap pekerja meningkat kepada RM66,907 (3.6%), manakala purata gaji & upah bagi setiap pekerja adalah RM3,460, meningkat 1.2 peratus tahun ke tahun.

Sepanjang empat bulan pertama tahun ini (Januari – April 2025), nilai jualan sektor Pembuatan berjumlah RM636.2 bilion, meningkat 4.2 peratus berbanding tempoh yang sama 2024 (Januari – April 2024: 2.7%). Bilangan peningkatan pekerja sebanyak 1.2 peratus kepada 2.40 juta orang, manakala gaji & upah meningkat 1.9 peratus kepada RM33.6 bilion. Keseluruhan, nilai jualan setiap pekerja berjumlah RM265,024, meningkat 3.0 peratus.

PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT

Pengenalan

Perdagangan borong & runcit merekodkan jumlah jualan - RM151.7 bilion pada April, menunjukkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 4.7 peratus. Sektor ini menunjukkan prestasi yang lebih baik pada bulan ini, disokong oleh pertumbuhan positif yang berterusan dalam subsektor Perdagangan borong dan Perdagangan runcit.

Prestasi Nilai Jualan April 2025

Pertumbuhan positif dalam sektor ini dipacu terutamanya oleh Perdagangan borong yang merekodkan jumlah jualan RM67.3 bilion, peningkatan sebanyak RM3.5 bilion, mencerminkan pertumbuhan tahun ke tahun 5.5 peratus. Sementara itu, Perdagangan runcit mencatatkan jumlah jualan RM66.8 bilion, meningkat RM3.0 bilion, dengan pertumbuhan tahun ke tahun 4.7 peratus. Subsektor Kenderaan bermotor mencapai jumlah jualan RM17.6 bilion, peningkatan RM0.4 bilion atau 2.1 peratus berbanding tahun sebelumnya (**Jadual 4**).

Sebaliknya, bagi perbandingan bulanan, nilai jualan Perdagangan borong & runcit turun -1.5 peratus, disebabkan oleh penyusutan dalam semua subsektor, iaitu Kenderaan bermotor (-8.4%), Perdagangan borong (-0.6%) dan Perdagangan runcit (-0.3%).

Jadual 4: Prestasi Nilai Jualan dan Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit, April 2025

SUBSEKTOR	Nilai Jualan			Indeks Volum (2015=100)				
	RM Bilion	% Perubahan		Asal	% Perubahan		Pelarasan Musim (SA)	% Perubahan
	April 2025	YoY	MoM	April 2025	YoY	MoM	April 2025	MoM (SA)
PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT	151.7	4.7	-1.5	160.6	4.3	-1.3	160.5	-0.3
PERDAGANGAN BORONG	67.3	5.5	-0.6	147.8	6.6	-0.3	148.6	-0.03
PERDAGANGAN RUNCIT	66.8	4.7	-0.3	185.2	3.4	-0.6	184.0	-1.4
KENDERAAN BERMOTOR	17.6	2.1	-8.4	130.2	0.8	-8.0	134.8	13.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Perdagangan Borong

Pertumbuhan 5.5 peratus dalam Perdagangan borong didorong terutamanya oleh Jualan borong makanan, minuman & tembakau yang berkembang 7.5 peratus untuk mencapai RM13.9 bilion. Ini diikuti oleh Jualan borong barangan isi rumah (6.6%), Lain-lain pengkhususan jualan borong (2.8%), Jualan borong jentera, peralatan & bekalan (9.8%), Jual borong bahan mentah pertanian & haiwan hidup (5.2%) dan Perdagangan borong tanpa pengkhususan (6.7%) (**Carta 13**).

Walau bagaimanapun, bagi perbandingan bulanan, Perdagangan borong merosot -0.6 peratus, disebabkan penurunan dalam Jualan borong barangan isi rumah (-1.9%), Jualan borong makanan, minuman & tembakau (-1.2%) dan Jual borong bahan mentah pertanian & haiwan hidup.

Carta 13: Prestasi Subsektor Perdagangan Borong, April 2025



Nota. Peratus perubahan Tahun ke tahun

Prestasi Perdagangan Runcit

Subsektor Perdagangan runcit merekodkan pertumbuhan 4.7 peratus pada April 2025, disokong oleh peningkatan 4.2 peratus dalam Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan yang mencecah RM25.7 bilion Penyumbang lain kepada pertumbuhan ini termasuk Jualan runcit di kedai pengkhususan (4.5%), Jualan runcit bahan api kenderaan (5.6%), Jualan runcit makanan, minuman & tembakau (7.8%), Jualan runcit peralatan komunikasi & maklumat (5.5%) dan Jualan runcit peralatan isi rumah (3.6%) seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 14.**

Sebaliknya, bagi perbandingan bulanan, jualan dalam subsektor ini turun -0.3 peratus, disebabkan pertumbuhan negatif dalam Jualan runcit di kedai pengkhususan (-1.0%), Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan (-0.4%) dan Jualan runcit barangan kesenian & rekreasi (-2.7%).

Carta 14: Prestasi Subsektor Perdagangan Runcit, April 2025



Nota. Peratus perubahan Tahun ke tahun

Prestasi Kenderaan Bermotor

Jumlah jualan subsektor Kenderaan bermotor mencatatkan RM17.6 bilion dengan peningkatan tahun ke tahun 2.1 peratus. Peningkatan jualan tersebut disumbangkan oleh Jualan, penyelenggaraan & pembaikan motosikal yang melonjak 13.4 peratus kepada RM1.1 bilion. Ini diikuti oleh Jualan komponen & aksesori kenderaan bermotor (2.5%), Jualan kenderaan bermotor (1.0%) dan Penyelenggaraan & pembaikan kenderaan bermotor (0.7%) seperti ditunjukkan dalam **Carta 15.**

Walau bagaimanapun, bagi perbandingan bulanan, jualan dalam subsektor ini merosot sebanyak -8.4 peratus, didorong terutamanya oleh penurunan ketara -13.9 peratus dalam Jualan kenderaan bermotor.

Carta 15: Prestasi Subsektor Kenderaan Bermotor, April 2025



Nota. Peratus perubahan Tahun ke tahun

Prestasi Indeks Volum

Bagi indeks volum, Perdagangan borong & runcit mencatatkan pertumbuhan 4.3 peratus tahun ke tahun untuk mencapai 160.6 mata. Perdagangan borong memacu pertumbuhan ini dengan kenaikan 6.6 peratus, diikuti oleh Perdagangan runcit (3.4%) dan Kenderaan bermotor (0.8%). Walau bagaimanapun, bagi indeks volum pelarasan musim, ia turun -0.3 peratus untuk merekodkan 160.5 mata berbanding bulan sebelumnya (**Carta 16**).

Carta 16: Prestasi Indeks Volum Sektor Perdagangan Borong & Runcit, Januari 2024-April 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Indeks Jualan Runcit bagi Negara-Negara Terpilih

Jadual 5: Nilai Jualan Bagi Negara-Negara Terpilih, April 2025 (Tahun ke Tahun)

Taiwan	Hong Kong	United Kingdom	Korea Selatan	Singapura	Indonesia
-2.6	-3.2	6.0	-0.1	0.8	-2.2

Melihat kepada prestasi indeks jualan runcit bagi beberapa negara terpilih pada April 2025, United Kingdom mencatatkan pertumbuhan positif 6.0 peratus, yang disokong terutamanya oleh peningkatan jualan di kedai makanan. Pasar raya, kedai makanan khusus seperti kedai daging dan roti, serta kedai alkohol dan tembakau turut mencatatkan peningkatan. Selain itu, Singapura juga mencatatkan pertumbuhan positif 0.8 peratus, oleh jualan dalam peralatan komputer dan telekomunikasi serta jam tangan dan barang kemas (Jadual 1).

Walau bagaimanapun, indeks jualan runcit Hong Kong menurun -3.2 peratus disebabkan oleh prestasi lemah di pasar raya serta barang kemas dan jam tangan. Taiwan mencatatkan penurunan -2.6 peratus pada April 2025, dipengaruhi oleh pertumbuhan negatif dalam tekstil & pakaian, peralatan komunikasi dan maklumat serta peralatan elektrik isi rumah.

Indonesia merekodkan pertumbuhan negatif -2.2 peratus tahun ke tahun, mencatatkan penurunan pertama sejak April 2024. Penurunan ini didorong oleh penurunan jualan peralatan maklumat & komunikasi, peralatan isi rumah lain dan makanan, minuman & tembakau. Sementara itu, Korea Selatan turut mencatatkan penurunan jualan runcit -0.1 peratus pada bulan ini.

Prospek Mei 2025

Pada Mei 2025, jualan Perdagangan Borong & Runcit dijangka kekal mencatat pertumbuhan tahunan yang positif, disokong oleh pelbagai acara dan perayaan seperti Sidang Kemuncak ASEAN ke-46, Hari Wesak serta Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi 2025 (LIMA 2025).

Perdagangan Barangan

Prestasi perdagangan barangan Malaysia terus menunjukkan trend positif pada April 2025, disokong oleh pertumbuhan tahunan yang lebih memberangsangkan. Jumlah dagangan meningkat 18.2 peratus berbanding bulan yang sama tahun lalu, mencecah RM261.9 bilion. Peningkatan ini didorong oleh pertumbuhan ketara dalam eksport dan import, masing-masing meningkat 16.4 peratus kepada RM133.6 bilion dan 20.0 peratus kepada RM128.4 bilion. Hasilnya, lebihan dagangan menyusut 33.0 peratus kepada RM5.2 bilion.

Dari perspektif rakan dagangan, pertumbuhan eksport pada April 2025 menunjukan peningkatan yang sederhana, dipacu terutamanya oleh peningkatan eksport ke United States sebanyak RM6.0 bilion, diikuti oleh Singapore (+RM4.8 bilion), Mexico (+RM2.5 bilion) dan Taiwan, Province of China (+RM2.2 bilion). Begitu juga, import turut mencatatkan peningkatan yang lebih ketara, terutamanya dari AS (+RM9.7 bilion), disusuli oleh Taiwan, Province of China (+RM6.8 bilion), China (+RM5.1 bilion) dan Mexico (+RM0.8 bilion). Secara keseluruhan, perdagangan Malaysia pada April 2025 terus didominasi oleh empat rakan dagangan utama iaitu China, United States, Singapore dan Taiwan, Province of China dengan jumlah sumbangan 53.3 peratus (April 2024: 47.2%).

Eksport barangan Malaysia mencatatkan prestasi lebih kukuh dengan kadar pertumbuhan tahunan positif sebanyak 16.4 peratus tahun ke tahun pada April 2025, meningkat daripada RM114.7 bilion pada bulan yang sama tahun sebelumnya kepada RM133.6 bilion. Lonjakan ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan berterusan dalam Barangan elektrik & elektronik (E&E) sejak Julai 2024, dengan kenaikan RM15.8 bilion (+35.4%) pada bulan semasa seperti di Carta i. Sementara itu, eksport Mentega, lemak & minyak koko merekodkan kadar pertumbuhan tertinggi, melonjak 145.0 peratus tahun ke tahun kepada RM826.1 juta. Peningkatan eksport turut disokong oleh Alat & perkakas ikhtisas, sains & kawalan dan Gas asli cecair, yang mencatat momentum positif, masing-masing meningkat RM635.5 juta (+15.7%) dan RM286.5 juta (+6.7%). Sebaliknya, Keluaran petroleum bertapis dan Petroleum mentah terus menunjukkan trend penyusutan, masing-masing susut RM762.7 juta (-9.0%) dan RM218.4 juta (-8.7%). Barangan E&E, Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit dan Keluaran petroleum bertapis kekal sebagai produk eksport utama Malaysia pada April 2025, dengan sumbangan agregat 58.2 peratus (April 2024: 54.1%).

Carta 17: Perubahan Peratusan Tahunan (%) 10 Barangan Utama dan Terpilih bagi Eksport Malaysia, April 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Import Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang lebih drastik pada April 2025, meningkat 20.0 peratus kepada RM128.4 bilion berbanding RM107.0 bilion pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Kenaikan ini dipacu terutamanya oleh Barangan E&E, yang mencatat pertumbuhan tahunan yang ketara sebanyak 65.1 peratus, mencapai RM54.6 bilion (April 2024: RM33.0 bilion). Selain itu, Jentera & kelengkapan khusus untuk industri tertentu & alat ganti dan Emas, bukan bentuk wang kekal dengan trend positif, masing-masing naik RM746.3 juta (+29.6%) dan RM707.5 juta (+36.8%) (Carta ii). Manakala, Keluaran petroleum bertapis dan Petroleum mentah merekodkan penurunan, masing-masing sebanyak RM1.3 bilion (-15.8%) dan RM1.2 bilion (-26.0%). Barangan E&E, Keluaran petroleum bertapis dan Petroleum mentah kekal menjadi penyumbang utama kepada import barangan Malaysia pada April 2025, dengan sumbangan kumulatif 50.8 peratus (April 2024: 43.3%).

Carta 18: Perubahan Peratusan Tahunan (%) 10 Barangan Utama dan Terpilih bagi Import Malaysia, April 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Selaras dengan trend perdagangan barangan global yang menunjukkan prestasi bercampur, prestasi perdagangan Malaysia dengan rakan dagang utama pada April 2025 juga menunjukkan prestasi bercampur seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 19**.

Carta 19: Perubahan Peratusan Tahunan (%) bagi Eksport dan Import 10 Rakan Dagangan Utama Malaysia, April 2025



Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih

Prestasi perdagangan Malaysia pada Mei 2025 mencatat pertumbuhan sederhana, dengan peningkatan tahun ke tahun 2.6 peratus, iaitu kadar yang lebih perlahan berbanding bulan yang sama tahun lalu. Import menunjukkan pertumbuhan yang sederhana, meningkat 6.6 peratus. Sebaliknya, eksport mencatatkan penurunan 1.1 peratus, menandakan penyusutan pertama sejak Oktober 2024. Imbangan perdagangan kekal mencatatkan lebihan, namun menyempit dengan ketara sebanyak 92.3 peratus. Dari segi bulanan (month-on-month), eksport, import dan jumlah dagangan masing-masing mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 16.4 peratus, 20.0 peratus dan 18.2 peratus. Sementara itu, imbangan dagangan kembali defisit sebanyak 33.0 peratus.

Statistik perdagangan antarabangsa mengikut negeri bagi bulan rujukan April 2025 menunjukkan jumlah dagangan meningkat RM40.3 bilion atau 18.2 peratus kepada RM261.9 bilion, tahun ke tahun. Peningkatan jumlah dagangan disumbangkan oleh kebanyakan negeri terutamanya Pulau Pinang meningkat sebanyak RM21.4 bilion (+37.6%) diikuti oleh Selangor RM12.0 bilion (+23.9%), Johor RM4.4 bilion (+9.5%), W.P. Kuala Lumpur RM4.2 bilion (+30.8%), Perak RM589.6 juta (+10.2%), Perlis RM5.7 juta (+3.3%) dan Sabah RM5.3 juta (+0.1%). Walau bagaimanapun, jumlah dagangan menurun di Terengganu RM913.7 juta (-32.6%), Pahang RM687.8 juta (-14.1%), Sarawak RM620.4 juta (-5.1%), Melaka RM502.6 juta (-9.4%), Negeri Sembilan RM329.8 juta (-5.6%), Kedah RM122.9 juta (-1.2%), W.P. Labuan RM113.0 juta (-11.3%) dan Kelantan RM56.7 juta (-9.2%) seperti di **Paparan 1**.

Jumlah eksport pada bulan April 2025 meningkat sebanyak RM18.9 bilion atau 16.4 peratus kepada RM133.6 bilion berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan eksport disumbang oleh eksport yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (+RM14.5 bilion), Johor (+RM3.0 bilion), Selangor (+RM3.0 bilion), Perak (+RM286.5 juta), Negeri Sembilan (+RM196.4 juta), Melaka (+RM171.8 juta), Pahang (+RM107.0 juta) dan Perlis (+RM9.4 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport menurun di W.P. Kuala Lumpur sebanyak RM1.2 billion, Terengganu (-RM783.2 juta), Sarawak (-RM313.6 juta), Kedah (-RM228.7 juta), Kelantan (-RM96.4 juta), W.P. Labuan (-RM33.1 juta) dan Sabah (-RM22.6 juta).

Pada masa yang sama, import pada bulan April 2025 meningkat RM21.4 bilion (+20.0%) berbanding bulan yang sama pada tahun 2024. Peningkatan import disebabkan oleh import yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Selangor (+RM9.0 bilion), Pulau Pinang (+RM6.9 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM5.3 bilion), Johor (+RM1.4 bilion), Perak (+RM303.1 juta), Kedah (+RM105.9 juta), Kelantan (+RM39.7 juta) dan Sabah (+RM27.9 juta). Walau bagaimanapun, nilai import menurun di Pahang sebanyak RM794.8 juta, Melaka (-RM674.4 juta), Negeri Sembilan (-RM526.1 juta), Sarawak (RM306.8 juta), Terengganu (-RM130.5 juta), W.P. Labuan (-RM79.9 juta) dan Perlis (-RM3.7 juta).

Lima negeri menguasai eksport negara, menyumbang 84.6 peratus daripada jumlah eksport. Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 36.7 peratus, diikuti oleh Johor (19.7%), Selangor (18.2%), Sarawak (6.9%) dan W.P. Kuala Lumpur (3.2%). Sementara itu, Selangor mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 29.7 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (22.9%), Johor (19.1%), W.P. Kuala Lumpur (10.4%) dan Kedah (5.0%).

Paparan 1: Eksport dan Import mengikut Negeri, April 2024 dan 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

1. Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau perikraran yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
2. Nilai eksport dan import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.

Senario Buruh

Pada April 2025, bilangan penduduk bekerja terus bertambah, meningkat sebanyak 0.2 peratus (+40.1 ribu orang) kepada 16.82 juta orang berbanding 16.78 juta orang pada Mac 2025. Nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan, kekal pada 68.6 peratus seperti pada bulan sebelumnya (**Carta 20**).

Bilangan tenaga buruh terus berada pada trend menaik pada April, mencatatkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.2 peratus (+36.4 ribu orang) kepada 17.34 juta orang (Mac 2025: 17.31 juta orang). Oleh itu, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) yang lebih tinggi direkodkan pada bulan tersebut iaitu 70.8 peratus, meningkat sebanyak 0.1 mata peratus daripada bulan sebelumnya (Mac 2025: 70.7%).

Carta 20: Penduduk bekerja dan nisbah guna tenaga kepada penduduk, Januari 2024 – April 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota: r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020

Kategori pekerja merangkumi 75.1 peratus daripada bilangan penduduk bekerja pada April 2025, terus meningkat sebanyak 0.2 peratus (+22.1 ribu orang) kepada 12.63 juta orang berbanding 12.61 juta pada Mac 2025. Begitu juga, bilangan penduduk bekerja sendiri meningkat sebanyak 0.6 peratus (+17.6 ribu orang) kepada 3.16 juta orang daripada 3.15 juta orang pada bulan sebelumnya. Kategori ini terutamanya adalah terdiri daripada penerima gaji harian yang mengendalikan perniagaan kecil termasuk peruncit, penjaja, penjual di pasar dan gerai serta pekebun kecil (**Carta 21**).

Pada April 2025, bilangan penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara meningkat sebanyak 2.7 peratus (+2.4 ribu orang), mencecah 92.8 ribu orang, meningkat daripada 90.3 ribu orang pada Mac 2025. Tahun ke tahun, angka ini meningkat sebanyak 8.0 peratus (+6.9 ribu orang) berbanding 250.1 ribu orang yang dicatatkan pada April 2024. Kategori ini terdiri daripada individu yang tidak bekerja buat sementara namun tidak diklasifikasikan sebagai penganggur kerana mereka mempunyai pekerjaan untuk kembali bekerja.

Carta 21: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Mac dan April 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bilangan penganggur turun sebanyak 0.7 peratus (-3.7 ribu orang) daripada 529.6 ribu orang pada Mac 2025 kepada 525.9 ribu orang pada April 2025. Kadar pengangguran April mencecah kadar terendah dalam tempoh sedekad iaitu pada 3.0 peratus (April 2015: 3.0%), berkurang sebanyak 0.1 mata peratus daripada 3.1 peratus pada bulan sebelumnya.

Tahun ke tahun, bilangan penganggur berada pada trend menurun dengan pengurangan sebanyak 5.5 peratus (-30.6 ribu orang) berbanding 556.5 ribu orang pada April 2024. Pada masa yang sama, kadar pengangguran berkurang sebanyak 0.3 mata peratus daripada 3.3 peratus yang dicatatkan pada bulan yang sama tahun lalu **(Carta 22)**.

Carta 22: Penganggur dan kadar pengangguran, April 2024 – April 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota: r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020

Mengikut kategori pengangguran, 79.6 peratus daripada jumlah penganggur pada April 2025 adalah mereka yang sedang aktif mencari pekerjaan atau penganggur aktif. Kategori ini turun sebanyak 0.5 peratus (-2.1 ribu orang) kepada 418.6 ribu orang (Mac 2025: 420.7 ribu orang). Di kalangan penganggur aktif, 64.2 peratus adalah mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan, manakala mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun[1] merangkumi 5.3 peratus.-

Pada masa yang sama, penganggur tidak aktif, atau mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia, terus menurun dengan pengurangan sebanyak 1.5 peratus (-1.7 ribu orang) dengan merekodkan 107.2 ribu orang (Mac 2025: 108.9 ribu orang) **(Carta 23)**.

Carta 23: Kategori penganggur dan tempoh menganggur, Mac dan April 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 24 tahun kekal pada 10.3 peratus dengan mencatatkan 298.3 ribu penganggur belia pada April 2025 (Mac 2025: 299.7 ribu orang). Sementara itu, kadar pengangguran dalam kalangan belia berumur 15 hingga 30 tahun menurun sebanyak 0.1 mata peratus kepada 6.2 peratus, dengan 400.6 ribu penganggur belia (Mac 2025: 6.3%; 399.4 ribu orang) **(Carta 24)**

Carta 24: Penganggur belia dan kadar pengangguran belia, April 2024 – April 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota: r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020

Bilangan tenaga buruh terus berada pada trend menaik pada April, mencatatkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.2 peratus (+36.4 ribu orang) kepada 17.34 juta orang (Mac 2025: 17.31 juta orang). Oleh itu, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) yang lebih tinggi direkodkan pada bulan tersebut iaitu 70.8 peratus, meningkat sebanyak 0.1 mata peratus daripada bulan sebelumnya (Mac 2025: 70.7%). Berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya, bilangan tenaga buruh naik sebanyak 2.5 peratus, bersamaan dengan pertambahan sebanyak 423.6 ribu orang (April^{r} 2024: 16.92 juta orang). Oleh itu, KPTB meningkat sebanyak 0.2 mata peratus daripada 70.6 peratus yang direkodkan pada April^{r} 2024 **(Carta 25)**.

Carta 25: Tenaga buruh dan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB), Januari 2024 – April 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota: r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020

Bilangan penduduk di luar tenaga buruh pada April 2025 mencatatkan peningkatan sebanyak 0.2 peratus (+11.3 ribu orang) kepada 7.17 juta orang (Mac 2025: 7.16 juta orang). Tahun ke tahun, bilangan ini meningkat sebanyak 2.0 peratus (+137.4 ribu orang) daripada 7.03 juta orang pada April^{r} tahun lalu.

Dalam kalangan penduduk di luar tenaga buruh, sebab utama tidak mencari pekerjaan kekal tidak berubah. Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga adalah sebab utama berada di luar tenaga buruh (42.8%), diikuti bersekolah/ latihan (41.1%) pada April 2025. Data ini menunjukkan bahawa sebahagian besar penduduk masih berada di luar tenaga buruh aktif atas sebab bukan ekonomi **(Carta 26)**.

Carta 26: Peratus sumbangan luar tenaga buruh mengikut sebab tidak mencari pekerjaan, Mac dan April 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Ekonomi Malaysia terus berkembang dengan sokongan daripada perdagangan antarabangsa dan sektor domestik yang kukuh. Pada April 2025, ekonomi Malaysia menunjukkan perkembangan yang positif, didorong oleh peningkatan eksport dan mport berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Susulan kedudukan ekonomi negara yang meyakinkan, pasaran buruh Malaysia terus mencatatkan kemajuan yang stabil, dengan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja dan kadar penyertaan tenaga buruh yang lebih tinggi, manakala pengangguran terus berkurang.

Tenaga buruh negara dijangka akan terus optimis dan berkembang menjelang bulan-bulan berikutnya pada tahun 2025, disokong oleh dasar ekonomi yang kukuh dan permintaan domestik yang stabil. Walaupun terdapat ketegangan geopolitik global, tenaga buruh Malaysia dilihat akan terus berdaya tahan berikutan pengangguran yang stabil, sektor Perkhidmatan dan teknologi yang terus berkembang serta peningkatan pelaburan dalam digitalisasi dan automasi.

Indeks Harga Pengguna

Inflasi Malaysia meningkat 1.4 peratus pada April 2025, kadar yang sama direkodkan pada Mac 2025 **(Carta 27)**. Peningkatan ini didorong oleh inflasi yang lebih tinggi dalam kumpulan Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan, 4.1 peratus (Mac 2025: 3.6%); Pendidikan, 2.3 peratus (Mac 2025: 2.2%)dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, 2.0 peratus (Mac 2025: 1.9%).

Namun begitu, tiga kumpulan iaitu Makanan & Minuman, 2.3 peratus (Mac 2025: 2.5%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan, 1.3 peratus (Mac 2025: 1.7%) dan Kesihatan, 0.9 peratus (Mac 2025: 1.0%) merekodkan peningkatan yang lebih perlahan berbanding bulan sebelumnya. Sementara itu, Perkhidmatan Penginapan & Restoran, 2.9 peratus; Perkhidmatan Insurans & Kewangan, 1.5 peratus dan Pengangkutan, 0.7 peratus, meningkat pada kadar yang sama direkodkan pada bulan sebelumnya. Sebagai tambahan, Maklumat & Komunikasi dan Pakaian & Kasut kekal berada dalam jajaran negatif, masing-masing merekodkan penurunan pada negatif 4.5 peratus dan negatif 0.1 peratus.

Inflasi keseluruhan bulanan pada April 2025 meningkat kepada 0.1 peratus berbanding Mac 2025 (0.0%). Walaupun terdapat peningkatan dalam Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan, 1.3 peratus (Mac 2025: 0.3%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan, 0.4 peratus (Mac 2025: 0.0%) dan Perkhidmatan Restoran & Penginapan, 0.3 peratus (Mac 2025: -0.1%), inflasi bulanan telah diimbangi oleh penurunan 0.1 peratus dalam kedua-dua kumpulan iaitu Makanan & Minuman dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah.

Carta 27: IHP Keseluruhan, Makanan & Minuman dan Restoran & Perkhidmatan Penginapan, Tahun ke Tahun (%), Januari 2024 – April 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi bagi kumpulan Pengangkutan meningkat 0.7 peratus, kadar yang sama direkodkan pada bulan sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh subkumpulan Perkhidmatan pengangkutan barangan (2.0%), Pengurusan peralatan pengangkutan persendirian (0.9%) dan Pembelian kenderaan (0.5%). Namun begitu, subkumpulan Perkhidmatan pengangkutan awam kekal pada jajaran negatif iaitu negatif 2.8 peratus, justeru, ia telah mengimbangi inflasi kumpulan ini daripada terus meningkat.

Purata harga Diesel di Semenanjung Malaysia meningkat kepada RM2.95 seliter (April 2024: RM2.15 seliter), manakala, purata harga Petrol tanpa plumbum RON97 menurun kepada RM3.25 seliter (April 2024: RM3.47 seliter) **(Carta 28)**.

Carta 28: Purata Harga Bahan Api, Januari 2024 – April 2025



W.P.: Wilayah Persekutuan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kumpulan Makanan & Minuman yang menyumbang 29.8 peratus kepada keseluruhan wajaran Indeks Harga Pengguna (IHP), menyederhana kepada 2.3 peratus berbanding 2.5 peratus pada Mac 2025. Daripada 247 item Makanan, 146 item (59.1%) merekodkan kenaikan harga berbanding pada April 2024. Peningkatan dalam kumpulan ini disumbangkan oleh peningkatan yang lebih perlahan bagi subkumpulan Makanan di luar rumah kepada 4.3 peratus (Mac 2025: 4.5%) dan Makanan di rumah kepada 0.5 peratus (March 2025: 0.6%) **(Jadual 6)**.

Jadual 6: Subkumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, Tahun ke Tahun (%), April 2025

Kumpulan Utama	Wajaran	Tahun ke Tahun (%) April 2025
Makanan & Minuman	**29.8**	**2.3**
Makanan	**29.0**	**2.3**
Makanan di luar rumah	**13.4**	**4.3**
Makanan di rumah	**15.6**	**0.5**
Bijirin & produk bijirin	2.3	-0.2
Daging	2.3	-0.1
Ikan & makanan laut lain	3.9	1.8
Susu, produk tenusu lain & telur	1.3	-1.3
Minyak & lemak	0.7	1.8
Buah-buahan & kacang	1.1	-0.7
Sayur-sayuran	1.8	-1.8
Gula, manisan & pencuci mulut	0.5	1.2
Makanan sedia dimakan & produk makanan lain t.t.t.l.	1.7	3.1
Minuman bukan alkohol	**0.8**	**5.6**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berkuatkuasa 1 Mei 2025, kerajaan mengurangkan subsidi telur ayam gred A, B dan C daripada RM0.10 kepada RM0.05 sebiji. Subsidi ini akan ditamatkan sepenuhnya pada 1 Ogos 2025. Pelaksanaan ini adalah seiring dengan usaha kerajaan dalam meningkatkan pengeluaran telur ayam khas yang mampu milik bagi menampung keperluan pasaran. Inisiatif ini dijangka dapat memberi peluang kepada rakyat untuk mendapatkan bekalan pada harga yang lebih murah sekali gus dapat menstabilkan harga telur ayam di pasaran.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

Indeks Harga Pengeluar Malaysia terus turun 3.4 peratus pada April 2025.

Sektor Perlombongan merupakan penyumbang utama kepada penurunan ini iaitu 17.8 peratus (Mac 2025: -15.0%). Ini disebabkan oleh penurunan dalam Pengekstrakan petroleum mentah (-19.8%) dan Pengekstrakan gas asli (-11.6%). Sektor Pembuatan juga mencatatkan penurunan 2.6 peratus (Mac 2025: -1.8%), dengan penyusutan dalam Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-15.7%). Sebaliknya, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan merekodkan peningkatan sederhana 2.6 peratus, disokong terutamanya oleh subsektor Penanaman tanaman kekal (5.9%). Sektor Bekalan elektrik & gas mencatatkan penurunan marginal 0.6 peratus, manakala sektor Bekalan air mencatatkan peningkatan perlahan 0.9 peratus.

Pada asas bulan ke bulan, IHPR Pengeluaran Tempatan turun 1.0 peratus pada April 2025, berbanding penurunan 0.6 peratus pada Mac 2025. Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan mencatatkan penurunan 6.0 peratus, disebabkan oleh penurunan dalam indeks Penanaman tanaman kekal (-8.1%). Sektor Perlombongan turut susut 1.2 peratus, disebabkan oleh Pengekstrakan petroleum mentah (-3.6%). Pada masa yang sama, sektor Pembuatan menurun 0.5 peratus, didorong oleh penurunan dalam Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-2.0%) dan Pembuatan produk makanan (-1.0%). Namun, sektor Bekalan elektrik & gas meningkat 0.3 peratus, manakala sektor Bekalan air mencatatkan peningkatan 1.3 peratus. **(Jadual 7)**

Jadual 7: Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor, Malaysia

Sektor	Kod	Wajaran	Indeks	Perubahan Peratus (%)					
				Tahun ke Tahun			Bulan ke Bulan		
			Apr 2025	Apr 2024	Mac 2025	Apr 2025	Apr 2024	Mac 2025	Apr 2025
JUMLAH		**100.00**	**117.1**	**1.9**	**-1.9**	**-3.4**	**0.5**	**-0.6**	**-1.0**
Pertanian, perhutanan & perikanan	A	6.73	139.0	5.4	9.9	2.6	0.7	-0.5	-6.0
Perlombongan	B	7.93	87.7	10.0	-15.0	-17.8	2.1	-3.8	-1.2
Pembuatan	C	81.57	118.5	0.8	-1.8	-2.6	0.3	-0.3	-0.5
Bekalan elektrik & gas	D	3.44	118.4	1.0	-0.5	-0.6	0.3	0.3	0.3
Bekalan air	E	0.33	126.9	7.2	0.7	0.9	1.1	-0.1	1.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Semua peringkat pemprosesan mencatatkan penurunan pada April 2025 pada asas tahun ke tahun. Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya mencatatkan penurunan 9.2 peratus, terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam Bahan bukan makanan (-11.2%). Indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen turun 2.2 peratus, sebahagian besarnya disebabkan oleh penguncupan dalam Bahan api yang diproses & pelincir (-10.3%). Sementara itu, indeks Barang siap mencatatkan penurunan sederhana 1.4 peratus, disebabkan oleh penurunan 1.9 peratus dalam Kelengkapan modal. **(Carta 29)**

Carta 29: Indeks Harga Pengeluar mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun) April 2024 – April 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perbandingan dengan negara terpilih menunjukkan trend bercampur dalam IHPR bagi April 2025. IHPR Amerika Syarikat meningkat 2.4 peratus, perlahan berbanding peningkatan 3.4 peratus pada bulan sebelumnya. IHPR Jepun juga meningkat 4.0 peratus, berbanding peningkatan 4.3 peratus pada Mac 2025, terutamanya dipacu oleh sektor Kelengkapan pengangkutan dan Petroleum & arang. Sebaliknya, harga pengeluar China terus menurun 2.7 peratus, selepas penurunan 2.5 peratus pada bulan sebelumnya, mencerminkan permintaan domestik yang masih lemah, walaupun usaha berterusan oleh Beijing untuk memulihkan keadaan. Sementara itu, Thailand juga mencatatkan penyusutan 3.2 peratus, penurunan yang lebih besar berbanding penurunan 1.6 peratus pada Mac 2025, mencerminkan trend yang sama seperti Malaysia.

Harga purata minyak mentah Brent adalah sekitar USD 68 setong pada April 2025, turun daripada USD 73 setong pada Mac 2025. Menurut *U.S. Energy Information Administration*, ini merupakan harga terendah dalam tempoh 24 bulan lalu disebabkan permintaan terhadap minyak dijangka mendatar dalam beberapa bulan akan datang. Tambahan pula, penurunan ini juga didorong oleh jangkaan permintaan minyak global yang lebih rendah susulan tarif baharu dan keputusan OPEC+ untuk meningkatkan pengeluaran bermula April 2025, yang seterusnya meningkatkan inventori minyak global. Sementara itu, harga purata minyak sawit mentah di Malaysia turut menurun kepada RM4,320 satu tan, berbanding RM4,740 satu tan pada bulan sebelumnya. Menurut Majlis Minyak Sawit Malaysia, harga minyak sawit dijangka kekal dalam julat RM3,750 hingga RM4,050 pada Mei 2025 sebelum beransur pulih. Bermula Jun hingga September 2025, permintaan import minyak sayuran global dijangka beralih kepada minyak sawit, yang akan menghadkan tekanan penurunan harga selanjutnya.

WAY FORWARD

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.1 peratus pada tahun 2024, mengatasi pertumbuhan 3.5 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan yang secara keseluruhannya menyumbang 82.5 peratus kepada KDNK. Sehingga tahun 2024, KDNK Malaysia berjumlah RM1.93 trilion pada harga semasa dan RM1.65 trilion pada harga tetap, menunjukkan pengukuhan ekonomi domestik.

Indikator utama menunjukkan daya tahan yang berterusan. Indeks Utama (LI) mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 0.5 peratus pada April 2025, disokong oleh peningkatan kukuh dalam Import Sebenar Semikonduktor (27.2%) dan Bilangan Syarikat Baharu yang Didaftarkan (24.1%). Haluan positif LI selama dua (2) bulan berturut-turut menunjukkan momentum yang berterusan, dipacu oleh prospek ekonomi yang mampan, keadaan pasaran buruh yang menggalakkan serta permintaan domestik yang stabil selaras dengan corak penggunaan yang konsisten.

Sektor minyak sawit dijangka stabil, dengan harga dianggarkan kekal dalam julat RM3,750 hingga RM4,050 per tan sepanjang Mei 2025. Walaupun peningkatan dalam pengeluaran dan inventori MSM pada April menunjukkan keadaan bekalan yang semakin baik, prestasi eksport yang suram serta ketidaktentuan global, termasuk ketegangan perdagangan AS-China dan peningkatan pengeluaran minyak mentah, terus memberi tekanan ke atas harga. Namun begitu, permintaan daripada pasaran utama seperti India dan China dijangka pulih, sekali gus menyokong pemulihan secara beransur-ansur dalam penggunaan minyak makan global.

Aktiviti perindustrian menunjukkan unjuran yang bercampur. Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat 2.4 peratus bagi tempoh empat (4) bulan pertama tahun 2025, menyederhana berbanding pertumbuhan 3.6 peratus yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 2024. Sektor Pembuatan kekal sebagai pemacu utama dengan pengembangan sebanyak 4.5 peratus, walaupun penyusutan dalam sektor Perlombongan dan Elektrik mencerminkan cabaran struktur yang berterusan. Di peringkat serantau, pertumbuhan positif IPP dalam kalangan rakan dagang utama seperti Taiwan, Vietnam, China dan Singapura membuka peluang kepada sektor luaran Malaysia pada masa hadapan.

Landskap runcit domestik dijangka mendapat manfaat daripada acara dan aktiviti perayaan yang bakal berlangsung seperti Sidang Kemuncak ASEAN ke-46, Hari Wesak dan LIMA 2025. Acara-acara ini dijangka merangsang perbelanjaan pengguna dan menyokong prestasi perdagangan borong & runcit pada bulan yang akan datang.

Tekanan inflasi kekal terkawal dengan Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 1.4 peratus pada April 2025, kekal sama berbanding bulan Mac 2025. Pengurangan secara berfasa dan seterusnya penamatan subsidi telur menjelang Ogos 2025 mencerminkan strategi kerajaan untuk beralih ke arah langkah sokongan yang lebih bersasar. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pasaran bagi memastikan keterjaminan makanan melalui peningkatan bekalan khususnya telur ayam.

Pasaran buruh terus menunjukkan keadaan yang menggalakkan. Pekerjaan meningkat secara sederhana sebanyak 0.2 peratus pada April 2025, menjadikan jumlah keseluruhan penduduk bekerja kepada 16.82 juta orang. Nisbah guna tenaga kepada penduduk kekal stabil pada 68.6 peratus, menandakan peluang pekerjaan yang berterusan selari dengan aktiviti ekonomi.

Melangkah ke hadapan, prospek ekonomi Malaysia kekal disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, peningkatan berterusan dalam pasaran buruh, serta keyakinan pelabur yang semakin pulih. Bagi memperkukuh asas ekonomi negara, usaha berterusan dalam pembaharuan struktur, pendigitalan, dan penglibatan yang lebih mendalam dalam rantaian nilai global adalah amat penting. Walaupun risiko luaran masih wujud termasuk ketegangan geopolitik dan ketidakstabilan harga komoditi Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk menangani cabaran ini dengan memanfaatkan asas ekonomi yang pelbagai serta rangka kerja dasar yang berhemah.

INDIKATOR EKONOMI

INDIKATOR EKONOMI - BULANAN

INDIKATOR (Nilai)	UNIT	2024									2025				SUMBER DATA
		Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	
1.0 KELUARAN DALAM NEGERI KASAR															
1.1 Harga Malar 2015	RM Juta	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	Jabatan Perangkaan Malaysia
2.0 KOMODITI															
2.1 GETAH															
2.1.1 Pengeluaran															
- Getah	Tan Metrik	21,325.1	25,608.3	29,880.7	37,959.6	35,908.4	31,846.6	38,399.6	40,341.1	38,298.8	30,357.5	36,004.7	28,738.6	18,008.2	Jabatan Perangkaan Malaysia
2.1.2 Harga															
- SMR 20	RM/Kg	7.65	7.90	8.16	7.77	7.81	8.21	8.73	8.62	8.92	8.78	9.06	8.89	7.70	Lembaga Getah Malaysia
- Sekerap	RM/Kg	6.40	6.57	7.08	6.71	6.64	6.87	7.38	7.29	7.57	7.43	7.70	7.62	6.41	Lembaga Getah Malaysia
- Getah Cair	RM/Kg	8.15	8.79	9.29	7.24	6.80	7.36	8.09	7.77	7.89	7.94	7.76	7.67	7.70	Lembaga Getah Malaysia
- Lateks Pekat	RM/Kg	7.34	7.42	7.75	6.47	6.34	6.80	7.46	6.83	6.99	6.78	6.93	6.96	6.47	Lembaga Getah Malaysia
2.1.3 Eksport															
- Getah Asli #	Tan Metrik	47,795.2	50,797.8	39,803.3	48,204.1	57,482.4	39,929.8	48,142.1	43,562.1	44,337.8	44,337.6	54,846.7	52,530.8	35,900.6	Jabatan Perangkaan Malaysia
2.2 KELAPA SAWIT															
2.2.1 Eksport															
